KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	9/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			



KEADAAN tapir Malaya yang cedera sebelum diselamatkan di Felda Chemomoi, Mempaga, Bentong Isnin lalu. – FOTO IHSAN PERHILITAN

Perhilitan selamatkan tapir Malaya cedera

PUTRAJAYA – Tindakan pantas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berjaya menyelamatkan seekor tapir Malaya yang cedera pada bahagian kaki di Pahang, Isnin lalu.

Perhilitan dalam satu kenyataan berkata, tapir jantan seberat 200 kilogram itu ditemui dalam keadaan cedera di sekitar Felda Chemomoi, Mempaga, Triang dalam daerah Bentong.

"Operasi menyelamat kemudian segera dijalankan oleh pihak Perhilitan Daerah Temerloh dengan mendapat bantuan daripada Pusat Konservasi Hidupan Liar Jenderak Selatan.

"Usaha tersebut dilaksanakan susulan maklumat diterima daripada orang awam yang terlihat kelibat mamalia berkenaan dalam keadaan kesakitan di lokasi kejadian," kata kenyataan itu semalam.

Jelas kenyataan itu lagi, proses rawatan awal ke atas haiwan liar tersebut telah pun diberikan sebelum dipindahkan pula ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan.

"Ini kes terkini tapir Malaya cedera direkodkan di Pahang selepas kali terakhir pada akhir November lalu di Kawasan Perindustrian Gebeng, Daerah Kuantan," katanya.

Haiwan tersebut antara lima spesies utama tapir terbesar di dunia dan merupakan jenis mamalia yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 atau Akta 716 dianggarkan hanya ada kurang 2,000 ekor di negara ini.

Kosmo
9.1.2022_16